

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN**  
**MOHD JARJIS [ ROMPIN ]**  
**TARIKH : 25 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis (Rompin) minta**  
**MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) Apakah usaha-usaha pihak Kementerian bagi menyalurkan perkhidmatan kesihatan yang berkesan di bandar dan di luar bandar; dan
- (b) Kedudukan terkini siap siagaan Hospital Daerah Rompin yang mula dibuka kepada orang ramai sejak bulan Mac 2014, daripada maklum balas yang diterima masih banyak lagi aset-aset kelengkapan hospital yang masih belum diterima lagi di samping kakitangan yang masih tidak mencukupi.

## Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kesihatan di semua fasiliti kesihatan KKM sama ada di kawasan bandar maupun di kawasan luar bandar bagi setiap golongan sasaran mengikut keperluan masing-masing. Ini dilaksanakan melalui perancangan kesihatan berdasarkan fakta dan bukti yang kukuh (seperti hasil kajian/penyelidikan) serta pelaksanaan aktiviti dan program dengan penglibatan pihak yang berkepentingan (termasuk pihak komuniti) melalui pengagihan sumber yang optima. Aktiviti dan program yang dijalankan akan dipantau secara berkala dari segi keberkesanannya. Hasil pemantauan akan dikaji/dianalisa untuk menambahbaik aktiviti dan program sediaada. Beberapa sistem pemantauan aktiviti dan program telah digunakan seperti sistem MyPrestasi bagi memantau pelaksanaan aktiviti dan program dalam Pelan Strategik KKM dan Sistem Pemantauan Inisiatif bagi memantau pelaksanaan program dan projek bagi inisiatif Rancangan Malaysia 5-tahun.

Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dalam RMK-10 termasuklah :

1. Untuk memperkukuhkan kesihatan primer, KKM memperkenalkan *primary healthcare team* bagi memastikan penjagaan kesihatan primer dilaksanakan secara menyeluruh dengan penglibatan pasukan petugas tertentu, penjagaan domisiliari bagi pengurusan penyakit kronik;
2. Mempertingkatkan masa penyampaian perkhidmatan (*extended hours*) di beberapa klinik kesihatan yang terpilih;

3. Kini terdapat 254 buah Klinik 1Malaysia dan 6 buah Klinik Bergerak 1Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan kepada golongan miskin di bandar dan luar bandar;
4. Penyediaan perkhidmatan farmasi secara pos laju dan perkhidmatan pesanan ringkas (*pharmacy sms Take N Go*);
5. Pembinaan hospital dan naiktaraf hospital. Antara hospital yang siap dalam RMK10 termasuklah Hospital Rehabilitasi Cheras dan Institut Kanser Negara;
6. Permerkasaan komuniti melalui program program/aktiviti pencegahan seperti KOSPEN, COMBI dan Doktor Muda;
7. Perlaksanaan hospital kluster dan dengan izin *lean management* bagi memastikan penggunaan sumber kesihatan secara optima; dan
8. Menggunakan pendekatan *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* dan *Corporate Social Responsibility (CSR)* bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong ke arah kehidupan sihat dan aktif dan meningkatkan kolaborasi pelbagai sektor.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Daerah Rompin merupakan Hospital Daerah Tanpa Pakar dengan bilangan katil sebanyak 60 buah katil. Sehingga 31 Januari 2015, terdapat seramai 9 Pegawai Perubatan yang sedang berkhidmat di Hospital Daerah Rompin dengan peratus pengisian sebanyak 81.8 peratus. Pengisian Penolong Pegawai Perubatan adalah seramai 12 orang (92.3 peratus) dan pengisian Jururawat pula adalah 38 orang (77.6 peratus). Kementerian dari semasa ke semasa berusaha melaksanakan pengisian perjawatan di hospital tersebut.

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Urusan perolehan kelengkapan peralatan perubatan, peralatan bukan perubatan, peralatan ICT dan kenderaan di Hospital Rompin telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan selesai pada bulan Disember 2014.

Sebanyak RM15,888,338.00 telah diperuntukkan bagi tujuan perolehan tersebut. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM10,327,190.00 peruntukan telah dibelanjakan bagi perolehan peralatan perubatan yang melibatkan 444 item telah dilaksanakan secara tender.

Di samping itu, sebanyak empat (4) sebut harga bagi peralatan bukan perubatan yang melibatkan perolehan alat-alat elektrik, peralatan/perkakas domestik, peralatan/aksesori perkhemahan serta mesin-mesin pejabat (142 item) telah dilaksanakan melibatkan peruntukkan sebanyak RM917,448.00.

Empat (4) sebut harga bagi perolehan perabot pelbagai jenis pula yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1,696,150.00 (122 unit) telah dibuat menerusi Kontrak Pusat.

Bagi peralatan perubatan yang bernilai kurang dari RM50,000.00 telah dilaksanakan secara pembelian terus. Jumlah keseluruhan pembelian terus berkenaan adalah sebanyak RM150,050.00 (39 item) dan pembelian terus di bawah kontrak APPL (18 item) adalah sebanyak RM227,500.00.

Selain itu, sebanyak RM2,570,000.00 telah diperuntukkan untuk tujuan perolehan kenderaan yang melibatkan 5 buah ambulan, 2 buah van jenazah dan 5 buah kenderaan SUV/MPV.